

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Sahasa Tamil 2 6354/2 merangkumi 4 bahagian. Semua soalan wajib dijawab.

- Bahagian A: Pemahaman-16 soalan  
 Bahagian B: Pemahaman dan T atabahasa -13 soalan  
 Bahagian C: *Cheyyl* dan Peribahasa - 10 soalan Rumusan  
 Bahagian D: Rumusan-1 Soalan

Pada keseluruhannya terdapat 29 soalan objektif, 10 soalan struktur dan 1 soalan rumusan.

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab semua soalan ialah 2 jam 15 minit.

**PRESTASIKESELURUHAN**

Secara keseluruhan prestasi calon memuaskan berbanding tahun lepas. Walaupun kali pertama format baru, iaitu soalan berbentuk objektif diperkenalkan, calon dapat menjawab soalan dengan baik dan dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum bahasa. Dalam bahagian struktur calon tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis. Mereka tidak menjawab soalan dengan betul dan tidak menepati peraturan pemarkahan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini memahami kehendak soalan dan dapat menjawab atau memilih jawapan yang betul dan tepat. Jawapan calon sesuai dengan tugas soalan mengikut markah. Sahagian soalan struktur, secara keseluruhannya mutu dan ketepatan jawapan calon baik dan memuaskan. Jawapannya mengikut peraturan pemarkahan dan memenuhi kehendak soalan serta mempunyai kesempurnaan dari segi penyampaian dan penyusunan. Jawapan segelintir calon bagi soalan puisi (soalan 16) yang perlu diprosakan dapat dijawab dengan baik. Rumusan pula calon dapat mengemukakan jumlah isi tersurat dan isi tersirat yang mencukupi dan dalam lingkungan 120 patah perkataan. Calon dapat mengenalpasti isi-isi tersurat dan tersirat dengan baiknya. Antaranya memberi isi-isi tersirat daripada pandangannya sendiri. Ramai calon dapat memberi pendahuluan yang baik iaitu ditulis dalam satu ayat. Isi-isi tersurat (dalam petikan) yang berkaitan dengan fokus soalan dipilih dengan baik sekali. Terdapat juga kesinambungan antara satu isi dengan isi lain. Isi tersirat berkaitan dengan soalan kedua ataupun aspek kedua soalan rumusan juga diberi dengan baik.

Contoh:

1. நவீன விவசாயிகள் தோன்றி நாட்டின் விவசாயத்தை மேம்படுத்துவதற்காகப் பாடுபடுவார்கள்.
2. இவ்விவசாயத் துறை பலருக்கு வேலை வாய்ப்புகளை ஏற்படுத்தித் தரும்.

Walau bagaimanapun ada calon memberi isi tersirat berkaitan dengan isi tersurat.

Contoh:

1. அரசாங்கம் நவீன இயந்திரங்களையும் உரத்தையும் வழங்கியதால் விவசாயிகளுக்கு அதிகமான விளைச்சல்கள் கிடைத்தன.

### Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan calon masih menepati kehendak soalan. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan tatabahasa yang telah menjejaskan pemberian markah. Di antara kesalahan yang dianggap ketara dalam jawapan calon ialah:

1. குறில் நெடில் சொற்கள்
2. பிழையான வரிவடிவம்
3. லகர, மூகர, ளகர, ரகர, றகர வேறுபாடுகள்
4. வாக்கியப் பிழைகள்

### Calon Dalam Kumpulan Rendah

Pada keseluruhannya prestasi kumpulan ini tidak memuaskan. Calon dalam kumpulan ini hanya menjawab beberapa soalan sahaja. Jawapan bagi kebanyakan soalan objektif tidak betul dan tepat. Calon tidak menjawab soalan struktur kerana penguasaan bahasa yang tidak cekap. Penyampaian kurang lancar dan tersusun. Terdapat kesalahan ejaan dan tatabahasa. Soalan puisi dikehendaki diprosakan tetapi calon menulis dialog kerana mereka salah faham soalan tersebut. Dalam **உரைநடை** - prosa dan bukannya **உரையாடல்** - dialog. Calon juga tidak dapat menjawab soalan rumusan dengan baik. Isi tersurat yang dikemukakan tidak tepat. Terdapat kelemahan calon tidak mahir membina isi tersirat daripada isi tersurat. Ayat yang ditulis tidak lengkap untuk menyampaikan isi-isi tersurat sepenuhnya. Ada juga calon menyalin sebulat-bulat teks yang diberi dan jawapan tersirat tidak ditulis. Ada calon menulis lebih daripada 120 patah perkataan. Ini menunjukkan calon kurang menguasai bahasa kerana mereka kurang membaca dan menulis.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan Objektif

Ramai calon menjawab soalan objektif dengan baik. Sebilangan kecil tidak dapat menjawab soalan objektif dengan baik kerana mereka tidak menguasai hukum bahasa.

### Soalan Struktur

#### Soalan Nombor 3

Ramai calon tidak memahami konsep tema. Jawapan calon meleret-leret dan menulis yang bukan-bukan yang dipetik daripada petikan kefahaman. Apa yang diharapkan ialah jawapan yang ringkas dan padat laitu: **தாயின் அற்பணிப்பு / பெருமை / சிறப்பு.**

## Soalan Nombor 22

Ramai memberi jawapan yang salah, iaitu கருப்பு + கல் tetapi jawapan sebenarnya ialah கருமை + கல்.

## Soalan Nombor 31 hingga Soalan Nombor 33

Ramai calon tidak memberi jawapan yang tepat. Calon tidak mendapat sebarang markah untuk ketiga-tiga soalan ini.

## Soalan

Ramai tidak memberi jawapan yang tepat untuk soalan aplikasi melibatkan உவமைத்தொடர். Calon tidak memahami maksud சிறகு உடைந்த பறவை யோல kerana jawapan tersebut tidak tepat serta tidak menggambarkan situasi yang diberi.

## Soalan 16

Ramai calon tidak menjawab soalan memproses puisi ini dengan baik. Calon hanya menyalin bulat-bulat puisi berkenaan. Segelintir calon melakukan sedikit perubahan pada puisi dengan menambah kata hubung. Calon tidak memahami maksud முண்டாசு dalam puisi. Calon menjawab முண்டாசு முறிக்கிவிட்ட மீசை. Sepatutnya calon menjawab முண்டாசும் முறிக்கிவிட்ட மீசையும். Sebilangan kecil menulis jawapan dalam bentuk dialog. Mereka keliru antara konsep உரைநடை dan உரையாடல்.

## Rumusan

## Soalan 40

Ramai calon menjawab soalan rumusan ini dengan baik. Sebilangan calon menulis dalam satu perenggan. Calon tidak menulis pengenalan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan dalam perenggan tertentu. Ada calon menyalin bulat-bulat perkataan demi perkataan dan ayat demi ayat. Ada calon menulis lebih daripada 120 patah perkataan. Ada calon menu lis isi tersurat sahaja

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Fahami kehendak soalan objektif.
2. Teliti dalam nahu dan tatabahasa. Baca dan memahami lagi nahu dan tatabahasa Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
3. Semak semula jawapan supaya memenuhi kehendak soalan.
4. Calon harus mempunyai budaya membaca banyak bahan berkaitan dengan bahasa Tamil.
5. Banyakkan membuat latihan berkaitan dengan format soalan.
6. Melibatkan diri dalam penulisan kemahiran berfikir secara kreatif.
7. Memahami bentuk dan erti sajak sebelum memrosakannya.
8. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan rumusan. Perlumemahami kehendak soalan rumusan. Jangan salin bulat-bulat daripada petikan. Aspek kedua (isi tersirat) dalam rumusan sepatutnya daripada pendapat tersendiri yang berkaitan dengan tajuk diberi. Pendahuluan dan kesimpulan ditulis dalam satu ayat.
9. Menggunakan bahasa yang baik iaitu kesinambungan isi baik, tatabahasa baik, kosa kata luas dan ejaan betul.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Tekankan dalam proses pengajaran-pembelajaran pemahaman tentang bahanbentuk "Genre" Sastera Tamil seperti Novel, Cerpen, sajak dan drama.
2. Memperbanyakkan latihan tulisan tatabahasa dan komponen sastera Bahasa Tamil.
3. Menggalakkan pelajar membaca bahan-bahan penulis terkenal dan artikel-artikel dalam majalah dan surat khabar. 4. Beri tumpuan khas kepada calon yang lemah.
4. Guru juga perlu tahu menggunakan komputer dan LCD bagi membantu dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
5. Memperbanyakkan lagi latihan kefahaman dan memerosakan sajak dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.
6. Perlu menganjurkan banyak aktiviti ko-kurikulum seperti pertandingan menulis karangan, menulis sajak dan yang dapat membantu pelajar secara langsung dan tidak langsung.
7. Panitia Bahasa Tamil harus bergabung dengan Persatuan Bahasa Tamil yang bercorak aktiviti kurikulum.
8. Rancangan Huraian Sukatan dan aktiviti sepanjang tahun akan membantu pelajar maju dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum.